



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN
BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA
(JURNAL HARIAN)**

**PADA HARI SABTU, 3HB RAMADHAN 1444 / 25HB MAC 2023
(HARI KEENAM BELAS)**

1. DO'A SELAMAT

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

2.1. KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

- 2.1.1. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi telah menyampaikan mukadimahnya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.
- 2.1.2. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi iaitu Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A.
- 2.1.3. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi iaitu:
- i. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan
 - Mencadangkan agar sistem jalan raya di Pekan Tutong dapat diteliti kesesuaian dengan memberi keutamaan kepada kemudahan-kemudahan lain seperti laluan pejalan kaki dan berbasikal;
 - Ingin mengetahui sekiranya ada perancangan untuk menubuhkan sebuah syarikat penerbangan tambang murah *GLCs* tempatan.
 - ii. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin
 - Menyoalkan sekiranya perancangan terdahulu pihak kementerian berkaitan bas awam masih

akan diteruskan; dan sekiranya diteruskan, mencadangkan untuk mempercepatkannya dengan membuka peluang kepada pelabur tempatan dan asing;

- Menyoalkan kenapa Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) berbalik semula ke kaedah lama iaitu sistem pelekat cukai jalan daripada cukai jalan digital; dan sekiranya kaedah cukai jalan digital akan diperkenalkan semula;
- Memohon penjelasan bila dan jika sudah terdapat *definitive timeline* bagi penubuhan pengawal selia untuk pengangkutan darat dan penerbangan awam; dan sejauh mana persediaan sudah dibuat;
- Menyoalkan sekiranya cadangan dari laporan penyiasatan telah dilaksanakan dan sejauh mana ianya memperbaiki kesiapsiagaan dalam menghadapi sebarang insiden di masa akan datang; serta jika terdapat satu pelan kontingensi untuk membuat landasan tambahan;
- Menyoalkan tatacara penguatkuasaan yang dahulu yang berkesan atau mana-mana tatacara terkini yang difikirkan berkesan akan dapat dilaksanakan sebagai *deterrent* untuk mengurangkan masalah kemalangan jalan raya;
- Menyoalkan langkah-langkah pihak kementerian dalam mengawal iklan-iklan *popped-up* yang tidak senonoh.

iii. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir

- Mencadangkan agar pihak JPD dapat mengadakan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer di Daerah Temburong, sama ada yang dikendalikan oleh pihak kerajaan ataupun syarikat-syarikat yang diiktiraf oleh pihak JPD;
- Menyoalkan jika pihak JPD mempunyai rancangan untuk menambah baik kualiti pelekat cukai jalan dari jenis yang lebih berkualiti dan tahan lama;
- Menyoalkan mengenai langkah-langkah yang diambil sebelum menswastakan sesebuah jabatan kerajaan terutama sekali dalam memelihara hal ehwal kakitangan awam.

- iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim
- Ingin mengetahui sekiranya peruntukan yang disediakan adalah mencukupi bagi inisiatif-inisiatif Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk memantapkan kecekapan sistem pengangkutan awam secara menyeluruh;
 - Mencadang agar pihak kementerian meneliti untuk menggunakan *competitive advantages* negara bagi mengadakan *Disaster Centre for Security Storage* atau menjadi *call centre* untuk rantau ini dan *beyond*;
 - Ingin mengetahui kedudukan negara setakat ini dan apa strategik *advantages* yang dapat diraih dari kedudukan teratas dalam perkhidmatan aerodrome;
 - Menyoalkan apakah cara yang lebih efektif untuk memperbanyakkan lagi penggunaan dan aktiviti lapangan terbang; dan adakah usaha telah diterokai untuk menjemput lebih banyak *regional airlines* ataupun *international airlines* untuk menggunakan kemudahan lapangan terbang negara;
 - Ingin mengetahui pencapaian negara setakat ini berkenaan inisiatif Transformasi digital dan Connected *Smart Nation*; dan jika terdapat *third-party assessment* untuk menilai keberkesannya yang menjadikan *environment* negara lebih pro-bisnes;
 - Ingin mengetahui apakah langkah-langkah strategik kementerian dan agensi-agensi yang lain dalam kerajaan untuk mensejajarkan kemajuan *hardware* dengan perkembangan *softwarena* dengan mengadakan *change management* dan *capacity building* supaya sentiasa *future-ready* dan *industry-ready*, di samping memupuk penuntut yang berfikiran secara holistik, strategik dan taktikal.

- v. Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee
- Menyoalkan jika Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi mempunyai perancangan untuk membangunkan *Digital Competency Framework* untuk menilai literasi digital rakyat;
 - Menyoalkan mengapa Negara Brunei Darussalam tidak tersenarai dalam *Network Readiness Index (NRI)*, serta meminta untuk dikongsikan langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan negara termasuk dalam senarai tersebut;
 - Memohon untuk dikongsikan rancangan bagi menangani cabaran berkaitan isu keselamatan siber, terutamanya bagi golongan yang mudah terdedah seperti warga emas.
- vi. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman
- Berpendapat supaya pihak kementerian menyemak semula *Transportation Master Plan* memandangkan impaknya yang sangat besar kepada negara;
 - Mohon pencerahan sejauh mana pendidikan *Information and Communication Technologies (ICT)* diserapkan sebagai cara hidup yang baru di khalayak rakyat Brunei terutamanya di sektor pendidikan;
 - Mohon pencerahan atas status kemajuan rancangan lapangan terbang awam pada masa kini yang sudah di peringkat terakhir, atau masih banyak rancangan-rancangan yang hendak dibuat.
- vii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf
- Ingin mengetahui sejauh mana *Brunei Maritime Academy* berjaya menghasilkan tenaga kerja perkapalan dengan kelayakan dan sijil-sijil yang diiktirafkan oleh sijil perkapalan serantau dan antarabangsa;
 - Mencadangkan bagi *Brunei Maritime Academy dan Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam*

untuk mengadakan *twinning programme* bersama akademi marin lain.

- viii. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman
- Menyoalkan adakah pihak berkenaan mengambil perhatian mengenai teksi-teksi sapu dan apakah akta-akta yang berkaitan ke atas teksi-teksi sapu termasuk yang dilakukan oleh warga asing; serta jika terdapat jalan penyelesaian bagi menangani isu ini seperti menawarkan perkhidmatan teksi berlesen atau perkhidmatan lain yang dibenarkan oleh JPD.
- ix. Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin
- Mencadangkan agar litar latihan memandu untuk disediakan di daerah-daerah yang lain;
 - Mencadangkan dinilai atau dipinda Lalulintas Jalanraya (Penggag 68) Peraturan-Peraturan Jalanraya (Jurulatih dan Sekolah Memandu), 1987 khususnya berkaitan permit yang tidak boleh dipindah milik;
 - Mencadangkan agar pihak kementerian menambah kelas lesen memandu menggunakan kenderaan automatik dalam kelas lesen memandu.
- x. Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat
- Menyoalkan mengenai tindak balas orang ramai dalam usaha-usaha pihak bertanggungjawab dalam menyarankan pemakaian jaket keselamatan semasa menaiki teksi air.
- xi. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin
- Memohon agar pihak kementerian dapat memberigakan *transport master plan* bagi menunjukkan rancangan pengangkutan awam negara yang cekap, selamat, mudah, murah dan selesa yang selaras dengan inisiatif kementerian;

- Mencadangkan pihak kementerian membukakan pertandingan untuk mencipta aplikasi yang dapat menunjukkan jadual pengangkutan awam;
- Mencadangkan untuk bekerjasama dengan *GLC* bagi menyediakan prasarana infrastruktur, fasiliti dan perkhidmatan untuk meningkatkan sasaran jumlah pelanggan yang menggunakan bas sebagai *transport of choice*;
- Menyarankan warga pihak kementerian untuk cuba menggunakan pengangkutan awam bagi mengetahui sebab sebenar orang awam tidak mahu menggunakan perkhidmatan tersebut;
- Memohon pencerahan jika pihak autoriti dalam kementerian boleh memberi *forensic evidence* apabila berlakunya jenayah *scam* yang boleh membantu mangsa;
- Mencadangkan untuk mengadakan *contingency plan* demi keselamatan penyimpanan komunikasi dan informasi jika terdapat sebarang isu gangguan bekalan elektrik dan *hacking*;
- Mencadangkan pemasangan *CCTV* di tempat-tempat yang *accident prone* terutamanya di tempat terdapat lampu-lampu isyarat, pusingan-U, dan kawasan had laju;
- Mencadangkan agar pusat pemeriksaan kenderaan swasta untuk dipantau dan diadakan *independent auditing* ke atasnya;
- Menyarankan supaya kenderaan berat dari luar negara untuk dikenakan *standard* yang tertentu.

xii. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann

- Menyoalkan perancangan jangka sederhana dan panjang untuk meningkatkan sistem jalan dan sistem pengangkutan awam yang lebih bersistematik dan moden dengan mengambil kira inisiatif-inisiatif ke arah melestarikan Negara Brunei Darussalam;
- Ingin mengetahui jumlah syarikat-syarikat pengangkutan awam yang beroperasi setakat ini;

- Menyoalkan jika pernah dibuat kaji selidik berkenaan dengan *feedback* orang ramai tentang sistem pengangkutan awam di negara ini.

xiii. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub

- Menyoalkan usaha-usaha pihak kerajaan ke arah meningkatkan lagi kemudahan bas-bas awam di kawasan luar bandar;
- Menyoalkan sekiranya ada perancangan pihak kerajaan bagi mewujudkan stesen-stesen bas bersepadu di kawasan pertengahan yang strategik yang berfungsi sebagai *interchange bus* atau *interlane bus* ke destinasi-destinasi lain seperti di kawasan Sengkurong dan Pekan Tutong.

2.1.4. Tajuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi iaitu Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI ISNIN, 27HB MAC 2023 JAM 10:00 PAGI]
